

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang 1991/92

Jun 1992

JSP 352 - Peranan Kuasa-kuasa Besar Di Asia Tenggara

Masa: [3 Jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab soalan 1 (**WAJIB**) dan mana-mana **DUA** soalan lain.

1. Dengan berpandukan salah **SATU** daripada teori yang dinyatakan di bawah, bincangkan mengapa Asia Tenggara merupakan lapangan persaingan dan penglibatan kuasa-kuasa besar.
 - (a) Perang Dingin Kedua.
 - (b) Imperialisme Ekonomi.
 - (c) Kompleks-Industri-Ketenteraan.

(100 markah)

2. **SAMA ADA**

- (a) Kerajaan Amerika Syarikat baru-baru ini telah mengumumkan bahawa ia tetap akan memainkan peranan sebagai pengimbang kuasa. Bincangkan.

(100 markah),

ATAU

- (b) Ramalkan perkembangan politik di rantau Asia Tenggara berikutan pengisytiharan Presiden Bush bahawa Perang Dingin antara Kesatuan Soviet dan Amerika Syarikat telah tamat.

(100 markah)

3. Nilaikan pencapaian ASEAN sebagai satu pertubuhan serantau yang berusaha untuk memupuk keselamatan dan kerjasama serantau di Asia Tenggara.

(100 markah)

4. Apakah kedudukan Vietnam dalam prioriti dasar luar Kesatuan Soviet? Bincangkan perubahan dasar luar Kesatuan Soviet terhadap Vietnam sejak 1954.

(100 markah)

5. Menurut beberapa pemerhati politik, walaupun negara-negara anggota ASEAN merasa lega kerana "tamatnya" perang dingin, mereka masih inginkan Amerika Syarikat menempatkan angkatan tentera di rantau Asia Tenggara. Bincangkan.

(100 markah)

6. Pilih mana-mana SATU negara dalam ASEAN dan tunjukkan bagaimana perubahan-perubahan dasar luar China sejak 1949 sehingga kini telah mempengaruhi hubungan China dengan negara tersebut.

(100 markah)

oooooooo

